

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 11/10/2013

Muka surat: 3

Tajuk : UNIMAS Akan Bina Sebuah Pusat Penyelidikan Di Mukah.



**JALIN KERJASAMA:** Kadim (dua kiri) saling bertukar dokumen MoU yang telah ditandatangani dengan Raja Azwane (tiga kanan) sambil disaksikan (dari kiri) Azhaili, Peter, Hashim dan Kamarulzaman.

## UNIMAS akan bina sebuah pusat penyelidikan di Mukah

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan membina sebuah pusat penyelidikan di Mukah.

Menurut Naib Canselornya Prof Datuk Mohammad Kadim Suaidi, pembinaan pusat itu bagi mengukuhkan kedudukan dan visibiliti UNIMAS sebagai peneraju utama Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE).

“Pusat ini akan menjadi tumpuan utama kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan yang menyumbang secara langsung kepada kemajuan dan pembangunan SCORE seperti yang dirancangkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pusat Kecemerlangan Tenaga Diperbaharui (CoERE) UNIMAS dengan

Golden Circle Venture Sdn Bhd (GCVSB) di Rumah Universiti di sini semalam.

Justeru, Kadim memberitahu, menerusi perjanjian MoU itu, UNIMAS dan GCVSB dapat menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan tenaga diperbaharui dalam usaha melahirkan tenaga kerja mahir yang diperlukan di SCORE nanti.

Pada masa yang sama, beliau memberitahu bahawa jalinan kerjasama rapat itu juga dapat menghasilkan teknologi berkaitan tenaga diperbaharui.

Tambahnya, untuk itu pihaknya akan terus berusaha menjalinkan kerjasama erat dengan syarikat-syarikat swasta yang berkaitan dalam usaha pembangunan itu.

“Dalam mendukung usaha kerajaan bagi memaju dan membangunkan negeri ini terutama di Wilayah Tengah

Sarawak (SCORE), kita akan terus melihat dan mencari kerjasama yang lebih signifikan pada masa depan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif GCVSB Raja Datuk Azwane Raja Ariff berharap kerjasama rapat itu dapat mengukuhkan lagi kedudukan perniagaan dalam membangunkan sumber tenaga di Malaysia dan Sarawak khususnya.

Pada Majlis Menandatangani MoU itu semalam, GCVSB diwakili Raja Azwane dan Pengarah Eksekutifnya Kamarullzaman Mat Jusoh manakala UNIMAS diwakili Kadim dan Pengarah CoERE Prof Madya Dr Azhaili Baharun.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor UNIMAS Profesor Dr Peter Songan, Dekan Fakulti Kejuruteraan UNIMAS Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim dan tetamu kehormat lain.